

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi  
am@hmetro.com.my

### Bukit Merah

“Sejak keadaan Tasik Bukit Merah kering hampir dua bulan lalu, pemandangan dari kampung ini amat menarik sekali, namun bagi nelayan tasik di sini kami mengharap dan rindukan suasana dulu.”

Demikian luahan penduduk Kampung Selamat, di sini, mengenai keadaan Tasik Bukit Merah yang masih tidak menakungi air di kawasan perkampungan berkenaan walaupun hampir dua bulan kemarau El Nino berlalu.

Penduduk yang hanya mahu dikenali Asmawi, 34, berkata, sejak keadaan air tasik mengering, nelayan tasik terutama di kampung ini, mengalami kesukaran berikutan laluan keluar masuk nelayan untuk mencari rezeki dengan menyusuri alor kecil di tasik turut kering.

Katanya, keadaan itu membuatkan banyak nelayan berpindah lokasi pendaratan ikan yang agak jauh dari lokasi sedia ada, malah ada juga yang tidak turun ke tasik dan melakukan kerja kampung yang lain bagi meneruskan kehidupan seharian.

“Jika dilihat pemandangan di sini seperti Royal Belum yang menampakkkan tunggul kayu sekali gus menjadikan tempat di sini menjadi perhatian terutama individu luar untuk merakamkan gambar.

“Malah ada juga pasangan pengantin merakamkan album perkahwinan mereka di kawasan tasik yang kering ini.

“Namun bagi kami sebagai nelayan di sini, kami rindu dan menginginkan keadaan kembali pulih seperti dahulu kerana pekerjaan nelayan adalah satu-satunya punca

pendapatan kami di sini,” katanya.

Ketua Kampung Bukit Merah, Muhamad Nor Hasan pula berkata, sejak El Nino melanda, pendapatan nelayan setempat diakui berkurangan.

Katanya, dia tidak menafikan pendapatan nelayan turut terjejas berikutan kekurangan hasil tangkapan.

“Kalau dahulu nelayan di sini hanya menangkap jenis ikan tertentu dan mahal sahaja seperti toman, baung, ketutu dan sebagainya namun kini terpaksa menjual apa sahaja hasil tangkapan ikan walaupun dengan harga rendah bagi menampung kehidupan.

“Selain penyusutan hasil tangkapan dan sumber rezeki, penduduk turut melahirkan kebimbangan berlaku lagi perkara sama dua bulan lalu berikutan keadaan hujan yang terlalu sedikit sehingga membuatkan air takungan kini mengalami sedikit penyusutan,” katanya.

Muhamad Nor berkata, walaupun begitu, pihaknya percaya keadaan akan kembali seperti sedia kala berdasarkan rujukan dibuat pihaknya melalui beberapa jabatan berkaitan dan diramalkan daerah Kerian dijangka memasuki musim hujan tidak lama lagi.

Dalam pada itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian, Ir Hasmi Mat berkata, kedalaman Tasik Bukit Merah kini mencecah 23.3 kaki iaitu dalam keadaan paras berjaga-jaga.

Katanya, kadar taburan hujan yang sedikit dalam tempoh sebulan lalu membuatkan paras air sedikit menyusut.

“Memang diakui terdapat penyusutan air sejak sebulan lalu berikutan kadar taburan hujan yang sedikit.

“Walaupun begitu, bekalan air bersih masih mencukupi serta pengairan air ke terusan sawah di kompartmen H iaitu kawasan Gunung Semanggol masih disalurkan,” katanya.

# ‘KAMI RINDU SUASANA DULU’

■ Nelayan Kampung Selamat alami kesukaran Tasik Bukit Merah masih tidak menakungi air

KEDALAMAN Tasik Bukit Merah kini dalam keadaan berjaga-jaga.



**"Bekalan air bersih masih mencukupi serta pengairan air ke terusan sawah di kompartmen H iaitu kawasan Gunung Semanggol masih disalurkan"**  
Nor Hasan



12-07-2016

setempat

11

## Jerebu bakal menyusul

**Kuala Lumpur:** Gelombang jerebu bakal melanda negara sekiranya cuaca panas dan kering yang dialami negara sekarang berterusan untuk tempoh lama.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, aktiviti pembakaran tempatan dan jerebu rentas sempadan dari negara jiran boleh berlaku dalam keadaan cuaca kering.

"Fasa Monsun Barat Daya (MBD) yang bermula sejak minggu ketiga Mei lalu menyebabkan aktiviti

hujan berkurangan berbanding musim sebelum ini.

"Kesannya keadaan cuaca menjadi panas dan kering yang boleh membawa kepada masalah jerebu.

"Fenomena ini dijangka berterusan sehingga pertengahan September ini," katanya.

Menurut beliau, keadaan cuaca panas sekarang juga dipengaruhi keadaan atmosfera lebih kering yang mengurangkan aktiviti perolakan.

Namun katanya, masih terdapat hujan lebat ber-

serta ribut petir dijangka berlaku di satu dua tempat terutama pada sebelah petang.

"Semasa Monsun Barat Daya, hujan lebat berserta ribut petir dan angin kuat disebabkan kehadiran garis badai iaitu sekumpulan barisan awan ribut petir yang bergerak dari arah laut ke daratan.

"Garis badai ini kadangkala berlaku pada waktu Subuh terutama di kawasan pantai di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, barat Johor, barat Sabah dan Sarawak," katanya.

**KEADAAN** Tasik Bukit Merah agak membimbangkan walaupun fenomena El Nino pulih sebulan lalu.



## Paras empangan di Selangor masih terkawal

**Kuala Lumpur:** Iklim Monsun Barat Daya yang dialami negara kini dijangka tidak memberi kesan teruk terhadap penurunan paras air di empangan seluruh Semenanjung biarpun kekurangan hujan.

Mengikut statistik laman web rasmi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), paras air di tujuh empangan termasuk satu kolam takungan di Selangor masih terkawal.

Setakat jam 8 pagi semalam, empangan terbesar Langat mencatatkan kadar 74.97 peratus (25.56 juta liter padu) manakala Sungai Selangor 67.45 peratus atau 155.14 juta liter padu.

Empangan Batu pula mencatat bacaan 63.37 peratus (20.26 juta liter padu), Klang Gates (55.79 peratus atau 14.13 juta liter padu), Semenyih (80.01 peratus atau 47.27 juta liter padu), Sungai Tinggi (73.71 peratus atau 84.40 juta liter padu) dan Tasik Subang (70.66 peratus atau 2.97 juta liter padu). Kolam Takungan Sungai Labu (ORS) pula mencatat bacaan 49.65 peratus atau 3.96 juta liter padu air.